

12 SEP 1998

Mahathir-Olimpik

M'SIA KAJI ANJUR OLIMPIK TAHUN 2008

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji kemungkinan menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Olimpik tahun 2008, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya walaupun tawaran untuk menganjurkan kejohanan sukan terbesar di dunia untuk tahun 2008 belum dibuka, sudah terdapat banyak negara yang berhasrat untuk menjadi tuan rumah.

"Kita akan kaji sama ada kita ingin menjadi tuan rumah ataupun tidak," katanya kepada pemberita selepas melawat kawasan khas untuk penaja Sukan Komanwel Ke-16 di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini.

Sukan Komanwel di sini, yang pertama kali dianjurkan oleh sebuah negara Asia, dibuka dengan rasminya oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dalam upacara penuh gilang gemilang malam tadi.

Bandar raya Sydney akan menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2000 dan Athens, Greece, akan menganjurkannya pada tahun 2004.

Dr Mahathir berkata untuk menjadi tuan rumah, kemudahan yang baik semata-mata tidak mencukupi kerana yang turut penting ialah keupayaan peserta tuan rumah.

"Kita perlu ada sebilangan besar atlit yang baik untuk menarik minat penonton dalam negeri," katanya.

Beliau juga mengulas kejayaan pelumba basikal negara Nor Effandy Rosli memenangi pingat pertama acara lumba basikal Sukan Komanwel dengan memperolehi pingat perak pada acara 184km individu lebuhraya hari ini.

"Saya berasa bersyukur kerana kita memenangi pingat pada hari pertama pertandingan ini berlangsung," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau dimaklumkan bahawa kejayaan itu ialah sesuatu yang tidak diduga.

"Saya yakin ini akan memberangsangkan atlit-atlit yang lain yang mungkin tidak ada harapan, tapi kalau mereka berusaha dan bersemangat, mungkin mereka juga akan menang," katanya.

Perdana Menteri turut berpuas hati dengan persembahan pada upacara pembukaan Sukan Komanwel malam tadi walaupun beliau pada awalnya ragu-ragu tentang kelicinan majlis itu.

Katanya beliau bimbang mengenai cuaca atau akan berlaku masalah gangguan elektrik semasa upacara perasmian itu.

Dr Mahathir berkata banyak pelawat asing termasuk Presiden Persekutuan Sukan Komanwel Putera Edward memuji kejayaan pertunjukan yang diadakan itu.

Perdana Menteri juga melancarkan tema Piala Dunia golf yang Malaysia akan anjurkan tahun depan iaitu "Go For The Green Malaysia 99".

-- BERNAMA

MAM MAI